

Jawapan Lengkap Cabarán KBAT

TINGKATAN 5

BAB 7

Langkah-langkah yang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan mutu sukan negara adalah dengan memastikan pelibatan semua kaum dalam pelbagai jenis sukan. Hal ini dapat dilakukan dengan menggalakkan jenis sukan dan permainan yang melibatkan semua kaum.

Di samping itu, usaha juga perlu dilakukan dengan meningkatkan kemudahan dan infrastruktur sukan di seluruh negara. Kemudahan sukan yang moden dan terkini perlu dibina supaya mutu sukan negara setaraf dengan negara lain. Kerajaan dan persatuan sukan perlu membawa jurulatih dan pakar sukan untuk membimbing pasukan negara. Pakar dan jurulatih luar juga dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan atlet negara kita.

Usaha mengadakan kem motivasi kepada pemain atau atlet yang akan bertanding dalam sesuatu kejohanan juga merupakan satu langkah yang berkesan. Kem ini dapat memupuk semangat untuk mencipta kejayaan melalui laungan “Malaysia Boleh”. Atlet juga dibimbing untuk memberikan fokus sepenuhnya terhadap latihan dan pertandingan.

Langkah melibatkan kerabat diraja dan bekas pemain dalam pengurusan sukan juga turut membantu peningkatan sukan negara. Peranan mereka penting dalam meningkatkan penajaan dan sumber kewangan persatuan sukan. Bekas pemain pula boleh menjadi jurulatih yang mampu memberi komitmen sepenuhnya untuk membentuk atlet.

Atlet yang berjaya dalam sesuatu pertandingan perlu diberi imbuhan dan insentif. Hal ini dapat menyemaikan semangat berjuang untuk mencipta kejayaan cemerlang dan meningkatkan imej negara. Atlet juga diberi lebih banyak pendedahan dengan menyertai pelbagai kejohanan. Tujuannya untuk meningkatkan pengetahuan atlet melalui pertemuan dan perbincangan dengan pemain dan pegawai pasukan yang lain.

(Mana-mana jawapan munasabah diterima)

(Maksimum = 8 markah)